

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 7

**KEB: Lihat impak, bukan bincang proses salur dana**

# KEB: Lihat impak, bukan bincang proses salur dana

Oleh YASMIN NATASHA HAIRUL  
yasmin.hairul@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kongress Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 perlu membincangkan tentang impak atau hasil selepas disalurkan dana kepada golongan bumiputera berikut sasaran yang ditetapkan belum tercapai.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Ekonomi Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kongres bumiputera kali ini perlu lebih fokus kepada impak atau hasil berbanding proses penyaluran dana itu sendiri.

"Kajian yang harus dilakukan oleh kerajaan bukan setakat melihat sama ada dana itu telah sampai kepada penerima atau dana itu telah digunakan oleh penerima, tetapi lebih penting adalah perlu



**Contohnya, jika dana diberikan oleh Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), kerajaan perlu tengok berapa dana disampaikan dan diterima kembali."**

AHMED RAZMAN ABDUL LATIFF

menilai dari segi hasil atau impak pemberiannya.

"Contohnya, jika dana diberikan oleh Tabung Ekonomi Kum-

pulan Usaha Niaga (TEKUN), kerajaan perlu tengok berapa dana disampaikan dan diterima kembali.

"Apakah perniagaan bumiputera telah berkembang? Apakah berjaya membesarkan perniagaan tersebut dan memasarkan produk ke peringkat antarabangsa?" katanya semalam.

Menurut Ahmed Razman, ekonomi bumiputera boleh diperkasa kerana negara ini mempunyai kira-kira 16 agensi yang boleh membantu seperti Majlis Amanah Rakyat (Mara), TEKUN Nasional dan lain-lain.

KEB 2024 dijadual berlangsung esok, dirancang bagi memperluas agihan ekonomi dan mengembangkan lagi ekonomi bumiputera selaras dengan kerangka ekonomi MADANI.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berka-

ta, ia juga sejajar dengan usaha kerajaan yang sentiasa meneliti idea untuk dimanfaatkan dalam mewujudkan lebih banyak kekayaan bagi masyarakat bumiputera di tengah-tengah cabaran kos sara hidup tinggi dan pada masa yang sama mengetarkan aspek pembaharuan fiskal.

Justeru, Razman berkata, jika kajian dibuat secara teliti, di situ boleh dilihat pengukuran prestasi bagaimana ekonomi bumiputera diperkasa dan dana bumiputera digunakan.

"Kalau kita lihat sejak tiga rancangan Malaysia terdahulu, sokongan ini mencecah lebih RM30 billion dan sudah tentu ekonomi bumiputera boleh diperkasakan."

"Tetapi apa yg kita lihat belum lagi sampai sasaran dan apakah cabarannya? Dana dah beri, tetapi tujuan utama belum dicapai," katanya.